

29 SEP 2003

Pameran-Mahathir

PAMERAN FOTO 'SERIBU WAJAH DR MAHATHIR' MULAI 7 OKT

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Satu pameran foto bertajuk "Seribu Wajah Dr Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negarawan" akan diadakan di Balai Seni Lukis Negara (BSLN) di sini sebagai penghargaan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana khidmat cemerlangnya sebagai Perdana Menteri Malaysia selama 22 tahun.

Pameran itu, yang dianjurkan oleh media Malaysia terdiri daripada akhbar, stesen televisyen, Jabatan Penerangan dan Bernama dengan kerjasama BSLN, akan dirasmikan oleh Yang Di-Pertuan Agong pada petang 6 Okt.

Ia akan berlangsung selama dua bulan dan dibuka kepada orang ramai mulai 7 Okt dari 10 pagi hingga 6 petang setiap hari. Masuk adalah percuma.

Sejumlah 1,000 gambar Dr Mahathir akan dipamerkan, separuh daripadanya dicetak pada kanvas dan selebihnya dipaparkan dalam bentuk mural dan multimedia, menurut Pengurus Besar Bernama, Datuk Syed Jamil Jaafar yang juga penyelaras projek.

"Sebahagian besar daripada gambar-gambar yang dipamerkan belum pernah disiarkan," katanya.

"Foto-foto itu merakamkan Dr Mahathir dalam pelbagai aksi, mood dan suasana."

Syed Jamil berkata idea mengadakan pameran itu diilhamkan oleh Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob setelah pihak media menyatakan hasrat mereka untuk memberi penghargaan kepada Dr Mahathir, yang sepanjang tempoh menjadi Perdana Menteri, terkenal dengan sikap ramah media atau "media friendly."

"Oleh kerana kami memikirkan kata-kata mungkin tidak memadai untuk merakamkan penghargaan kami kepada beliau, maka kami memilih untuk menzahirkannya menerusi gambar," kata Syed Jamil.

Gambar-gambar yang dipilih untuk pameran ini disumbang oleh akhbar-akhbar Utusan Melayu, New Straits Times, Berita Harian, The Star, The Sun, Sin Chew Daily, Nanyang Siang Pau, China Press serta Jabatan Penerangan dan Bernama. RTM, tv3, Ntv7 serta Filem Negara turut terlibat dengan memberi pelbagai bantuan dan promosi.

Hampir 80,000 gambar disaring menjadi 10,000 dan daripada jumlah itu, jawatankuasa yang terdiri daripada ketua unit foto akhbar-akhbar, menghabiskan masa beratus-ratus jam untuk akhirnya memilih 1,000 foto untuk dipamerkan.

Syed Jamil berkata pameran ini dijangka merupakan pameran seumpamanya yang terbesar pernah diadakan di Malaysia.

-- BERNAMA

KHY KHY MAI